

29/10/2002

Usaha bawa pulang gadis dakwa dirogol polis

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA, Isnin - Polis sedang berusaha untuk membawa balik gadis berusia 13 tahun yang mendakwa dirogol oleh polis di Pusat Tahanan Menggatal di Sabah yang kini berada dalam perlindungan pihak berkuasa Filipina.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari, berkata gadis itu perlu dibawa balik bagi membolehkan polis meneruskan siasatan sebelum mengambil sebarang tindakan ke atas perogolnya.

Katanya, siasatan ke atas kes itu belum dapat disiapkan kerana beberapa proses termasuk kawad cam tidak dapat dilakukan tanpa kehadiran mangsanya.

"Kawad cam tidak boleh dilakukan kerana budak itu belum balik. Jadi, belum dapat dikenal pasti (perogol). Kalau sudah dikenal pasti, baru boleh ambil tindakan selanjutnya," katanya selepas menghadiri Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja peringkat Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, hari ini.

Gadis itu yang dikenali sebagai Juwina dihantar ke Filipina selepas ditangkap oleh polis sebagai pendatang tanpa izin dalam satu operasi yang diadakan di Sabah, Ogos lalu.

Apabila berada di Filipina, dia mendakwa dirogol ketika ditahan di pusat tahanan sementara di Menggatal.

Kes itu mendapat perhatian apabila Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo menulis surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya melakukan siasatan ke atas kes berkenaan kerana ketika itu mangsa dikatakan warga Filipina.

Berikutan itu, polis menubuhkan satu pasukan khas menyiasat dakwaannya dan siasatan mendapati dia rakyat Malaysia. Ini dibuktikan menerusi ujian asid deoksiribonukleik (DNA) yang dibuat ke atas gadis itu dan keluarganya.

Sehubungan itu, pihak berkuasa Filipina memberi kebenaran kepada polis Malaysia untuk membawanya pulang ke negara ini bagi membolehkan siasatan diteruskan.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Aseh Che Mat, berkata kementerianya akan mengeluarkan dokumen perjalanan kepada gadis itu bagi membolehkannya dibawa pulang.

Katanya, Kedutaan Malaysia di Manila boleh mengeluarkan surat perakuan kecemasan atau passport kepada gadis itu.

"Kalau dia rakyat kita, dia boleh dibawa masuk dengan mengeluarkan dokumen perjalanan kepadanya," katanya.